

AMALI
[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan :

Soalan 1

Tipografi merupakan salah satu elemen komunikasi selain visual atau gambar. Komunikasi visual menjadi lebih berkesan apabila pereka iklan memilih tipografi yang jelas dan mudah dibaca. Seni tipografi berperanan di dalam menyatakan atau meluahkan emosi dan psikologinya secara visual yang boleh dipaparkan di dalam sesuatu pengiklanan.

CLO 3

Daerah Kulim terkenal dengan keindahan alam semula jadi, pelbagai tarikan rekreasi, dan suasana desa yang mendamaikan. Antara lokasi menarik termasuklah *Tree Top Walk* Sungai Sedim, Taman Tasik Putra, Bukit Hijau, Ladang Herba, serta pasar malam dan makanan tradisional yang unik.

Sempena kempen pelancongan tempatan "**Jom Melawat Kulim**", anda sebagai pereka grafik di Jabatan Pelancongan Negeri Kedah yang bertanggungjawab terhadap komunikasi visual jabatan, anda telah ditugaskan untuk mereka poster promosi pelancongan daerah Kulim. Reka bentuk ini perlu menekankan penggunaan tipografi sebagai elemen utama komunikasi visual, dengan penyampaian yang menarik, jelas dan sesuai untuk sasaran pelancong tempatan dan luar negeri. Maklumat mengenai poster tersebut adalah seperti berikut:

1. Nama kempen : "Jom Melawat Kulim"
2. Penganjur : Jabatan Pelancongan Negeri Kedah
3. Tagline (pilih atau cipta sendiri):
 - "Kulim – Destinasi Warisan & Alam Semula Jadi"
 - "Rehat. Rasa. Raikan Kulim."

4. Isi Kandungan Poster :
 - Senarai lokasi menarik seperti *Tree Top Walk* Sungai Sedim, Bukit Hijau, Taman Tasik Putra
 - Aktiviti: rekreasi, alam semula jadi, makanan tempatan
 - Ajakan bertindak: imbas kod QR, lawati laman web, daftar lawatan berpandu
5. Gaya Visual :Ceria, informatif, segar dan menarik perhatian.
6. Skema Warna : Gunakan warna tropika seperti hijau, biru, kuning atau warna semula jadi.

Cadangan reka bentuk muka poster tersebut hendaklah dihasilkan mengikut kriteria berikut :

1. Saiz artboard/kertas : A3 Potret
2. Gunakan Perisian Grafik
3. Mengikut warna yang ditetapkan
4. Elemen visual yang bersesuaian dengan reka bentuk poster perlu dimasukkan sebagai elemen sokongan.

Hasil rekabentuk hendaklah dihantar dalam bentuk *hardcopy*. Kriteria yang perlu dipenuhi bagi penilaian ini ialah :

- a. Konsep rekabentuk grafik
 - i. Kenalpasti kajian terhadap konsep reka bentuk grafik dengan menggunakan elemen tipografi mengikut kategori pengiklanan.
(10 markah)
- b. Reka letak tipografi kreatif dalam reka bentuk iklan
 - i. Tunjukkan lima (5) *thumbnail* yang mengandungi kedudukan font yang terlibat dalam reka bentuk yang dihasilkan.
(10 markah)
 - ii. Tunjukkan lakaran semi komprehensif yang merupakan cetusan idea dari *thumbnail* dalam saiz/skala yang sebenar.
(10 markah)

- iii. Tunjukkan lakaran komprehensif dalam saiz/skala yang sebenar dan menggambarkan mukataip yang telah dikenalpasti bagi setiap reka letak dengan menggunakan elemen-elemen yang sama seperti yang akan dipaparkan pada hasil akhir.
(10 markah)
- iv. Hasilkan semula reka bentuk grafik dengan komposisi tipografi yang memenuhi prinsip reka bentuk simplisiti, dominan, pola, keseimbangan dan harmoni mengikut konsep/tema reka bentuk.
(15 markah)
- c. Reka bentuk tipografi dalam reka bentuk iklan
 - i. Tunjukkan pemilihan warna tipografi yang memberi penegasan dan tumpuan, visual yang jelas dan kontras yang baik antara latar dengan visual serta memenuhi konsep reka bentuk.
(15 markah)
 - ii. Hasilkan reka bentuk tipografi kreatif dengan mengaplikasikan elemen reka bentuk yang memenuhi konsep yang telah ditetapkan.
(15 markah)
- d. Hasil akhir
 - i. Tunjukkan reka bentuk iklan yang dapat menyampaikan komunikasi visual yang bertepatan konsep/tema.
(10 markah)
 - ii. Tunjukkan hasil akhir pada medium yang telah ditetapkan dengan kemas.
(5 markah)

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab